


MISI MENCARI CINTA


PELUKIS: **AFIQ SALAM**

PENULIS: **NAZRY SALAM**

ARTIS WARNA: **HANI RAIMI**
NABILLA FARID












Tunggu apa lagi?


Ajar dia!



Baik, bos!







MISI ^{M E N C A R I} CINTA

PELUKIS:
AFIQ SALAM

PENULIS:
NAZRY SALAM

ARTIS WARNA:
**HANI RAIMI
NABILLA FARID**

EDUMISI

2020

PRAKATA

oleh: Nazry Salam

Saya agak risau apabila menulis jalan cerita *Misi Mencari Cinta*. Majoriti pembaca siri *Misi* adalah kanak-kanak dan remaja. Komik *Misi* yang ini pula membincangkan soal cinta dan perkahwinan. Apakah kandungan seperti ini sesuai bagi dihadam oleh golongan muda?

Namun apabila saya fikir semula, cinta adalah fitrah. Cinta ada di sekeliling kita. Pendedahan perihal cinta tidak dapat disekat. Buka TV, ada babak cinta. Berjalan di kompleks membeli-belah, nampak pasangan bercinta. Terdapat beratus-ratus judul novel cinta tersusun di rak buku.

Maka harapan saya adalah, komik ini dapat memberi panduan kepada pembaca berkenaan cinta yang benar dan tulus mengikut landasan Islam dan budaya kita. Supaya apabila tiba masa pembaca merasai cinta, perasaan itu dapat disalurkan ke jalan yang betul dengan cara yang betul. Saya juga berharap komik ini dapat menghalang pembaca daripada terjebak dalam cinta monyet dan cinta nafsu, iaitu dua jenis cinta yang penuh dengan kesia-siaan dan dosa.

Komik ini kami hasilkan sebagai manusia yang lemah. Mana yang baik, ambil sebagai iktutan. Mana yang buruk, jadikan pengajaran. Moga karya ini mendatangkan kebaikan dan tidak memberi mudarat kepada para pembaca, amin.

Sekiranya para pembaca mempunyai sebarang kritikan atau komentar, mohon emelkan ke: nazrysalam@gmail.com.

Terima kasih. Semoga beroleh manfaat.

Nota: Terima kasih kepada Ustaz Ahmad Saifuddin Yusof kerana sudi menyemak naskhah ini.

Nama aku Aizad bin Ahmad.
Berusia 25 tahun, masih bujang



Aku amat bencikan pembulian, khususnya
dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.



Maka aku
tubuhkan
Sekolah Bela
Kebeneran
(SBK), iaitu
sebuah
sekolah yang
mengajar seni
pertahanan diri.



Misi sekolah ini adalah membasmi pembulian
dengan cara memperkasakan mangsa buli.
Sekiranya tiada lagi orang yang dapat dibuli,
tiada lagi pembulian. Bijak, bukan?





Mengapa nama sekolah ini
Sekolah Bela Kebeneran?



Kerana ilmu berlawan yang diajar hanya
boleh digunakan demi pertahanan
kebenaran semata-mata. Bukan
membela diri, kerana diri kita juga
ada masanya tidak benar.





Alhamdulillah, aku rasa gembira dan bahagia.



Aku sudah temui tempatku di dunia ini.



Aku sudah berjaya mencapai segala impian yang aku idamkan.



Akan tetapi, kadangkala aku rasa jiwaku kosong.

Betul kata orang



Jalan kejayaan itu ... sunyi.













Hai, Si Cantik.
Beraninya jalan
sendirian!



Boleh tahu nama?
Atau nak kami panggil
Si Cantik saja?



Alahai, janganlah
sombong Si Cantik.



Apakah perbezaan
antara gadis itu
dengan dodol?



Aku mula belajar seni bela diri sejak usia 4 tahun. Kini aku sudah kuasai lebih 10 jenis seni bela diri. Mungkin atas latihan bertahun-tahun, aku dapat rasakan ...



... dunia ini mengalami dua perubahan besar.




Pertama, dunia bergerak lebih perlahan.




Kedua, dunia ini menjadi lebih rapuh.













Aku sudah semak. Itu bukan nombor pelajar ataupun pekerja.



Aku juga sudah cuba nyahkod dengan berpuluh-puluh teknik kriptografi. Tiada hasil.



Kami tidak tahulah ini nombor apa.

....



Kau rasa itu nombor apa?



99.9% nombor telefon.



Mengapa kau begitu yakin?

Terlalu mudah.





Semasa berkenalan, orang bertukar nombor telefon, bukannya ID pelajar ataupun kod rahsia.









MISI MENCARI CINTA

NAMA AKU AIZAD BIN AHMAD. BERUSIA 25 TAHUN. MASIH BUJANG.
AKU BENCI BULI. MAKA AKU TUBUHKAN SEKOLAH SENI BELA DIRI. MISI SEKOLAH INI
ADALAH MEMBASMI BULI DENGAN CARA MEMPERKASAKAN MANGSA BULI.
AKU GEMBIRA KERANA BERJAYA MENCAPAI IMPIAN DAN MISI HIDUP AKU.
AKAN TETAPI. KADANGKALA AKU RASA JIWAKU KOSONG. BETUL KATA ORANG. ...

... JALAN KEJAYAAN
ITU SUNYI.



**MISI MENCARI
CINTA**

Sem. Malaysia **RM10.00**
Sabah/Sarawak **RM12.00**



9 789671 662830

misi

studio



Official Misi

Official Misi

officialmisi